

Pertimbang tiga cadangan

Oleh Nazarali Saeril
nazarali@hmetro.com.my
Serdang

■ TPM bawa usul ke Kabinet bantu ringan beban mahasiswa

FOTO: GHAZALI KORI

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau akan membawa tiga usul membabitkan potongan harga 10 hingga 20 peratus bagi tambang bas untuk mahasiswa, pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Baucar Buku 1Malaysia ke Kabinet untuk dipertimbangkan.

"Saya akan bawa usul ini ke Kabinet untuk dipertimbangkan. Bagi potongan harga tambang bas, saya perlu merujuknya kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) kerana ia berada di bawah bidang kuasa agensi berkenaan.

"SPAD mungkin boleh berhubung dengan pengusaha bas untuk mendapatkan potongan harga bagi mahasiswa. Ia boleh mengurangkan beban mahasiswa untuk pulang menengok keluarga ketika cuti," katanya, semalam.

Muhyiddin berkata demikian pada Majlis Ramah Mesra Timbalan Perdana Menteri Bersama Pemimpin Mahasiswa di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini.

Hadir sama, Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh; Timbalan Menteri Pendidikan II Mary Yap Kain Ching; Timbalan Menteri Pendidikan II P Kamalanathan dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Azlan Man.

Muhyiddin berkata demikian sebagai membalas tiga usul berkenaan dibuat Pengerusi Majlis Perwakilan



MUHYIDDIN menyampaikan baucar Buku 1Malaysia kepada Muhamad Anas pada Majlis Ramah Mesra TPM Bersama Pemimpin Mahasiswa, semalam.



MUHYIDDIN bergambar bersama mahasiswa UPM.

Pelajar Kebangsaan Sesi 2014/2015 Muhamad Anas Misbahudin pada ucapan alu-aluannya sebelum itu.

Menurut Muhyiddin, berkaitan PTPTN, beliau perlu mendapatkan maklumat lanjut tentang apa diperlukan mahasiswa.

"Saya perlu tahu apa yang dimahukan, sama ada jumlah pinjaman, kadar faedah, bayaran bulanan dan lain-lain yang berkaitan dengan pinjaman PTPTN.

"Jika semuanya sudah diperolehi, barulah ia akan di-

bincangkan. Ketika ini juga, PTPTN sudah melakukan banyak perkara untuk membantu peminjam," katanya.

Berkaitan Baucar Buku 1Malaysia, Muhyiddin memaklumkan kerajaan akan menaikkan jumlah bayarannya pada masa depan.

Menurut Muhyiddin, jika ada kenaikan, ia mungkin boleh digunakan untuk membeli peralatan bantuan pembelajaran lain.

"Saya rasa tiada masalah untuk kita naikkan jumlah bayaran namun ia bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

"Perkara ini memang kita lakukan sejak dulu lagi, jika ada kemampuan kewangan maka kita akan beri. Ini semua demi kepentingan pendidikan," katanya.

Idea bantu kerajaan

Serdang: "Mahasiswa boleh kemukakan idea untuk bantu kerajaan tingkatkan lagi mutu perkhidmatan dan ia semua akhirnya dipulangkan semula kepada rakyat termasuk mahasiswa sendiri.

"Kerajaan juga sentiasa mendengar suara mahasiswa, malah ada cadangan dikemukakan contohnya melalui Parlimen Mahasiswa," kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin

Beliau berkata Malaysia perlu menjadi 'pemimpin' dan bukannya 'pengikut' dengan melahirkan modal

insan masa depan yang berkualiti bagi mengukuhkan lagi pembangunan negara.

Menurut Muhyiddin, bagi memastikan Malaysia lebih maju, negara perlu lebih ke depan berbanding negara lain.

"Sebelum ini, ketika negara baru merdeka, kita mendapatkan khidmat modal insan luar untuk membangunkan Malaysia.

"Lama kelamaan, kita mempunyai modal insan berkualiti dan membangunkan negara mengikut acuan kita sendiri," katanya, semalam.